

# Masturah lakar sejarah tersendiri

GL Oh DE 15.8.2018 8

KOTA KINABALU: Pemain futsal dan bola sepak kebangsaan dari Sabah, Masturah Majid (**gambar**) mencipta sejarah dengan menjadi wanita Malaysia pertama bermain di liga futsal luar negara.

Kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) itu dihubungi oleh Kelab Imigresen Maldives - Magoo Stars pada Julai untuk memintanya bermain dengan mereka di Liga Maldives yang bermula hari ini hingga 25 Ogos.

Pemain dari Tuaran itu yang turut menjadi kapten skuad bola sepak wanita kebangsaan pada Sukan SEA 2017 merakamkan terima kasih kepada Pengurusan UMS terutamanya Naib Canselor Prof. Datuk Dr. D. Kamarudin D. Mudin kerana membenarkannya mengambil bahagian dalam liga itu.

"Saya sangat berterima kasih kepada pengurusan UMS terutamanya Professor Datuk Dr. D Kamarudin D. Mudin atas sokongan mereka dalam membenarkan saya pergi dan bermain di liga asing.

"Ini adalah satu peluang keemasan untuk meluaskan pengalaman saya dalam sukan itu dan saya akan memberikan yang terbaik untuk pasukan saya dalam liga itu," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Sukan UMS Asyraf Abdullah yang pernah membimbing pasukan bola sepak wanita kebangsaan berkata ia adalah satu penghormatan besar untuk Masturah menjadi wanita pertama dari Malaysia bermain di luar negara dan ia tentunya akan membawa nama baik negara ini, Sabah serta UMS.

